

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 13 May 1967 > Page 7 > Rancangan 'Papa Sayang Mama' mendapat pujian

Rancangan 'Papa Sayang Mama' mendapat pujian

Berita Harian, 13 May 1967, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL5098

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Rancangan 'Papa Sayang Mama' mendapat pujian

S'PURA, Jum.

SA-BANYAK 500 puchok surat telah diterima oleh Inche Zain Mahmud, penerbit rancangan popular TV 'Papa Sayang Mama' sejak ia di-siarkan kira2 dua bulan yang lalu.

Kebanyakan surat2 itu telah memuji rancangan itu. Sa-tengah2-nya mensifatkan-nya "tidak sa-kenchang dan sa-hebat" rancangan yang telah di-berhentikan 'Pak Awang Temberang'.

Ini telah di-nyatakan sendiri oleh Inche Zain kepada Berita Harian hari ini.

Rancangan tersebut telah di-puji oleh peminat2-

nya tadi "kerana ia lebeh banyak berisi pendidekan di-kalangan kanak2 sama ada di-dalam dan di-luar rumah."

Ia juga di-lisi dengan sindiran2 tajam terhadap sikap sa-tengah2 orang

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
13 May 1967Reel Number:
NL5098

Share

Table of Contents ^

< Previous Page 7 Next >

LAGU2 POP MELAYU AKAN HIDUP SUBOR UTK BEBERAPA WAKTU'

LAGU2 POP MELAYU AKAN HIDUP SUBOR UTK BEBERAPA WAKTU' KUANCAN r-KAM VSKOP Ahmad

Peserta2 hadapi ujian hari ini

Peserta2 hadapi ujian hari ini ERADUAN BINTANG m SINGAPURA SGAPURA, Juma'at. Kira2 200 orang

'Malam A. Ramli' mendapat sambutan hangat di-Seremban

'Malam A. Ramli' mendapat sambutan hangat di-Seremban 'Malam A. Ramli' mendapat sambutan hangat di-Seremban

View Full Table of Contents >

yang hidup berjiran yang suka memburokkan orang lain tetapi keburokan dirinya sendiri tidak di-sedarinya."

Rancangan yang diterbitkan dua minggu sebelum ini telah mengemukakan ramai pelakon2 baharu disamping "memperkenalkan lagi pelakon2 lama-nya."

Antara pelakon2 itu ialah:

Jamilah Samsuri, Rohani Yusof, J. Rosmini, Ummi Kalthum, Osman Jailani, Suminah Jalil dan lain-lainnya.

Kapada Berita Harian Inche Zain menyatakan gembira-nya kerana rancangan-nya itu "mendapat sambutan dari peminat2 rancangan TV di-sini."

Berdasarkan dari surat2 yang di-terima-nya itu, beliau berjanji akan 'memperhebat' lagi, isi-nya "supaya ia lama-kelamaan akan lebeh baik dari rancangan 'Pak Awang yang telah saya berhentikan itu."

Ringan

Oleh-nya di - tekankan bahawa bagi permulaannya "rancangan itu di-isi dengan bahan2-nya yang ringan, kemudian baharulah "di-kenchangkan" sesuai dengan chadangan2 yang di-sarankan oleh peminat2-nya tadi."

Melihat sambutan dari peminat2-nya bagitu menggalakkan, ujar-nya lagi, "ta'mungkin rancangan 'Pak Awang' itu boleh dihidupkan lagi untuk sementara waktu," kerana sa-tiap rancangan TV baik di-luar atau di-dalam negeri ta' harus di-kekalkan pada satu2 nama sahaja.

CHATATAN: Baharu2 ini Inche Ghazali Ismail, Setiausaha Perhubungan Politik Kementerian Kebudayaan menyatakan bahawa rancangan "Pak Awang" itu mungkin akan dihidupkan sa-mula.

Related Articles



No related article found.



NLB | National Library Board
Singapore

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#) [Browser Compatibility](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019